

12 DEC 1998

MAHATHIR-KADAR/I

KADAR PERTUKARAN TETAP AKAN KEKAL LAMA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi bahawa kadar pertukaran tetap ringgit pada RM3.80 bagi setiap AS\$1 akan dikekalkan untuk tempoh yang lama.

"Jika ada orang beritahu tuan-tuan bahawa kerajaan akan menukar kadar tersebut, suruh mereka terjun laut.

"Ia akan kekal pada kadar RM3.80 untuk tempoh yang sangat lama," katanya ketika melancarkan Kempen Pemilikan Rumah yang akan berlangsung selama sebulan di sini.

Akhir-akhir ini terdapat desakan supaya kadar tersebut disemak kepada RM3.50 berikutan peningkatan ekonomi Malaysia dan kenaikan nilai matawang-matawang serantau.

Kadar pertukaran tetap itu, yang dikenakan bersama dengan langkah-langkah kawalan pertukaran selektif oleh kerajaan sejak awal September tahun ini, telah memberikan kepastian kepada kalangan perniagaan dan membantu penyediaan belanjawan dan perancangan mereka, kata Dr Mahathir.

Menurut beliau bersama dengan langkah untuk menjadikan urus niaga tidak rasmi saham-saham Malaysia di Singapura melalui CLOB tidak sah, kawalan pertukaran tersebut telah mengukuhkan Bursa Saham Kuala Lumpur.

Daripada tahap terendah 262 mata, penanda aras Indeks Komposit telah meningkat perlahan-lahan kepada tahap tertinggi 530 mata pada akhir minggu ini sejak kawalan tersebut dikenakan, kata Perdana Menteri.

"Apa yang dilakukan oleh kerajaan ialah cuba memulihkan pasaran saham dan menstabilkan ringgit," tambah beliau. -- BERNAMA

AD KY OS